

Encik Mohammed Noor Haqeem Zulkiflee dan Encik Hud Syafiq Herman berkongsi satu persamaan – keluarga menjadi pendorong mereka berazam kuat dalam pelajaran dan berbakti kepada masyarakat melalui kerjaya dalam perkhidmatan awam. Mereka antara 75 penerima biasiswa berprestij Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC) tahun ini. **NUR ADILAH MAHBOB** ([adilaham@sph.com.sg](mailto:adilaham@sph.com.sg)) menyelongkar kisah di balik kejayaan mereka.

# Galakan cinta ilmu, jangkaan tinggi ibu bapa dorong jaya

**ANTARA** kenangan paling manis Encik Hud Syafiq Herman semasa kecil ialah kunjungan ke kedai buku Borders di Orchard Road bersama keluarganya setiap Sabtu.

Anak sulung daripada empat adik-beradik itu gemar membeli-belah dan membaca terutama sekali buku sains.

Menerusi kunjungan ke kedai buku dan perpustakaan, ibu bapa Encik Syafiq memupuk tabiat membaca dan sikap dahagakan ilmu dalam keluarga mereka.

Bapanya ialah pengetua Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah, Encik Herman Cher Main, 48 tahun, sementara ibunya adalah naib pengetua Sekolah Menengah Zhenghua, Cik Hartati Osman, 45 tahun.

Baru-baru ini, Encik Syafiq menjadi kebanggaan ibu bapanya apabila beliau diberi biasiswa berprestij Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC).

"Ibu bapa saya menitikberatkan pendidikan dan memupuk sikap cinta ilmu, khususnya bidang sains, sejak saya kecil."

"Walaupun dahulu saya tidak faham sains, saya tertarik pada gambar-gambar dalam buku dan la-

ma-kelamaan mula membacanya dengan lebih mendalam," ujar Encik Syafiq.

Beliau mempunyai tiga adik – berumur 17, 14 dan 11 tahun dan masing-masing belajar di Maktab Rendah Victoria, Sekolah Menengah Kranji dan di Sekolah Rendah Yew Tee.

Encik Syafiq adalah antara pelajar dalam kumpulan pertama Program Diploma International Baccalaureate (IBDP) selama dua tahun di St Joseph's Institution, selepas lulus Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'O' di Sekolah Menengah Tanjong Katong.

Beliau dipaparkan di akhbar ini Januari lalu apabila muncul sebagai antara pelajar terbaik IBDP dengan mendapat 43 mata daripada markah penuh 45 mata.

"Saya sedar bahawa mengambil program IB di SJI waktu itu satu risiko kerana kami kumpulan pertama dalam program itu, tetapi saya tertarik pada pendidikannya yang menyeluruh.

"Saya juga menganggapnya sebagai satu cabaran, dan saya tidak akan rugi apa-apa kalau mencuba," ujar Encik Syafiq.

Beliau memanfaatkan saiz kecil

kelas IBDP di SJI – paling ramai 20 pelajar – untuk banyak bertanya dan meminta penjelasan daripada guru.

Kini Encik Syafiq merancang mendalamidi bidang kimia di Universiti Cambridge di England di bawah biasiswa PSC itu.

Encik Herman berkata beliau dan isterinya cuba memupuk nilai-nilai memberi yang terbaik dalam apa sahaja tugas yang diamanahkan, rasa empati pada mereka yang kurang mampu dan semangat berpegang teguh pada jati diri Melayu/Islam.

"Banyak contoh kejayaan dalam masyarakat Melayu/Islam di Singapura diketengahkan semasa perbualan kami bersama anak-anak kami.

"Kami juga sering berbincang tentang perlunya menyumbang kembali kepada masyarakat," ujarnya.

Malah, beliau dan isterinya turut menjadi contoh kepada anak mereka dengan melakukan kerja ke-masyarakat termasuk di masjid dan membimbing pelajar memerlukan.

"Oleh kerana kami berdua pendidik, jangkaan kami juga tinggi bagi pengajian dan kerja sekolah anak-anak kami," kata Encik Herman.



**HARAPAN KELUARGA:** Encik Syafiq (tengah) bersama ibu bapanya Cik Hartati, seorang naib pengetua, dan Encik Herman, seorang pengetua. – Foto-foto M.O. SALLEH



**KELUARGA TULANG BELAKANG:** Encik Haqeem (kanan) bersama (dari kiri) bapa tirinya, Encik Ahmad Effendi, ibunya Cik Waheeda dan neneknya, Cik Rokiah.

## Kehilangan bapa cekalkan hati kejar kejayaan

BAPA Encik Mohammed Noor Haqeem Zulkiflee meninggal dunia akibat barah pada 2002, semasa beliau berusia enam tahun dan baru memasuki darjah satu.

Pemergian bapanya, Allahyarham Zulkiflee Mohamed, tidak menghambatnya mencapai kejayaan, malah mencekalkan hatinya menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Baru-baru ini, Encik Haqeem, 19 tahun, dianugerahi biasiswa berprestij Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC) bagi meneruskan pengajian di menara gading.

"Walau hidup tanpa bapa kandung, saya dibesarkan dalam keluarga besar, termasuk ibu, nenek dan datuk saya, yang mengajar saya menghargai nilai pendidikan serta hidup berdikari," ujarnya.

Encik Haqeem akan meneruskan pengajian dalam bidang ekonomi dan statistik di Universiti Nasional Singapura (NUS) tahun ini.

Beliau menamakan ibunya, Cik Waheeda Mohammad, guru Sekolah Menengah Anderson, dan neneknya, Cik Rokiah Bidin, guru adjung di Sekolah Rendah Zhonghua, sebagai sumber inspirasi yang membuat beliau memilih kerjaya dalam perkhidmatan awam.

"Mereka mengajar saya tentang pentingnya mempunyai kerjaya bermakna. Saya juga ingin mengejar kerjaya bermakna seperti mereka, dan berharap dapat menyumbang kepada negara dan masyarakat menerusi kerjaya dalam perkhidmatan awam," ujar Encik Haqeem, yang mempunyai bapa tiri, Encik Ahmad Effendi Ahmad Thani, 47 tahun, seorang perekraf grafik, yang turut mendrongnya belajar bersungguh-sungguh bagi mengejar impianinya.

Mac lalu, akhbar ini memaparkan pencapaian cemerlang bekas pelajar St Joseph's Institution (SJI) dan Maktab Rendah Temasek (TJC) itu dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'A'.

Beliau mendapat gred A bagi mata pelajaran Ekonomi serta Kertas Am (GP) dan gred B bagi Fizik, Kimia dan Matematik.

Encik Haqeem juga giat dalam pelbagai kegiatan kurikulum termasuk menjadi presiden majlis pelajar di TJC.

Cik Waheeda, 47 tahun, pula percaya apa yang dilalui anaknya itu juga mempengaruhi pilihan kerjayanya.

"Mungkin kesukaran yang dilalui Haqeem setelah kehilangan ayahnya semasa kecil memberinya semangat membantu orang lain dan menyumbang kembali kepada masyarakat," ujarnya.

Menurut Cik Waheeda, beliau memberi anak sulung empat adik-beradik itu kebebasan memilih bidang pelajaran serta kerjaya yang diminatinya.

"Sebagai ibu, saya berharap beliau akan terus berjaya dan menjadi kebanggaan masyarakat," kata beliau.